

# Muhly gah raih emas menembak

» Atlet UM cipta kejutan bidik 195 mata acara air rifle individu lelaki

Oleh Khairie Khalid  
khairie@bh.com.my

Subang

Wakil Universiti Malaya (UM), Muhamad Muhly Ibrahim Shah, 23, meraih pingat emas selepas membidik 195 mata dalam acara 10 meter (m) air rifle individu lelaki di Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) di sini, semalam, sekali gus mencipta kejutan menewaskan dua penembak kebangsaan.

Pingat perak menjadi milik Muhamad Shahril Sahak yang mewakili Universiti Putra Malay-

sia (UPM) dengan catatan 193.8 mata, manakala gangsa di menangi penembak Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Muhamad Zubair Mohammad, dengan 173.5 mata.

Muhly yang sebelumnya berdepan masalah teknikal dan peralatan, mengakui tidak menjangkakan dapat melakukan kejutan di saat dirinya berada di tangga ketujuh pada pusingan kelayakan.

“Saya ada masalah tak cukup peralatan pada mulanya. Sarung tangan pun kena pinjam, selain masalah di bahagian tangan menyebabkan saya sedikit hilang tumpuan,” katanya yang juga bekas penembak Johor ketika ditemui selepas pusingan akhir Kejohanan

Menembak Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2014 (SUKIPT2014), di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang, di sini.

## Baiki prestasi

Dalam pada itu, penembak kebangsaan, Muhammad Hassanul Adzhar Mohd Badrin, 23, yang layak ke Sukan Komanwel, Scotland, Julai ini, akur akan kekalahan itu tapi dalam masa sama mengakui perlu membaiki prestasi diri.

“Saya layak bulan lalu di Kejohanan Menembak Selangor selepas memperoleh 594 mata. Syarat untuk layak adalah 592 tapi sebenarnya kedudukan saya akan ter-



*Saya ada masalah tak cukup peralatan pada mulanya. Sarung tangan pun kena pinjam, selain masalah di bahagian tangan menyebabkan saya sedikit hilang tumpuan”*

**Muhamad Muhly Ibrahim Shah,  
Wakil Universiti Malaya**

gugat jika ada penembak lain yang lebih bagus.

“Tapi saya akan cuba untukkekalkan prestasi selepas ini,” katanya yang menempah tiket pada acara 50m prone individu.

Bagi rakan sepasukan dari UPM, yang juga atlet kebangsaan, Muhamad Shahril Sahak, 24, dia menerima kekalahan itu dan kini mensasarkan beberapa siri kejohanan selepas ini untuk mengikut jejak Hassanul bagi mendapat tempat ke Sukan Komanwel.

“Walaupun saya pernah membuat 595 mata, tapi untuk layak ke sana perlu mata tertinggi. Jadi lepas ini kena buat lagi baik,” katanya.